

Memperkukuh STEM Melalui Pertandingan School Lab



Labuan, 15 Mac – Jabatan Pendidikan melalui Unit Sains dan Matematik telah menganjurkan pertandingan School Lab antara sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut Encik Imbran Yunus, Ketua Unit Sains dan Matematik sebanyak lapan pasukan layak ke pertandingan akhir dalam pertandingan yang julung kali diadakan sebagai sokongan kepada inisiatif STEM. Setiap pasukan diwakili oleh 3 hingga 5 murid Tingkatan 1 hingga 3 dan dipersembahkan dalam tempoh 3 hingga 5 minit. Tema persembahan meliputi tajuk-tajuk yang terdapat di dalam kurikulum mata pelajaran Sains.

Pengarah Pendidikan Jabatan WP Labuan, Encik Raisin Saidin telah merasmikan pertandingan ini yang bertempat di Bilik Benua, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN).

Dalam ucapannya, beliau berharap agar aktiviti ini dapat

menimbulkan minat mendalam murid kepada STEM dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik murid selaras dengan slogan Kecemerlangan Akademik Kebitaraan Labuan.

Pembelajaran STEM adalah antara agenda yang diberikan penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) giat berusaha memantapkan pendidikan STEM untuk menarik lebih ramai murid menceburinya di peringkat sekolah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum dengan sokongan pelbagai pihak.

Selaras dengan matlamat pendidikan kebangsaan yang bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan iaitu intelek, jasmani, rohani dan emosi, pembelajaran STEM berperanan membantu murid agar dapat membina kepakaran diri secara kolektif dan menyiapkan diri dalam pertanggungjawaban sosial.



Para pemenang bergambar kenangan bersama Pengarah Pendidikan WP Labuan

Encik Raisin Saidin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan yang menang dan tahniah juga kepada semua pasukan yang berani menyahut cabaran dengan menyertai pertandingan ini. Semoga pertandingan ini bukan hanya

mengejar kemenangan semata-mata tetapi harus dilihat sebagai suatu pembelajaran bagi mencipta kejayaan di masa mendatang.

Turut hadir, Puan Maszuraini binti Miswan, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan Ketua Sektor Pengurusan Akademik, Puan Norismah Hj. Ab Moin.



Tahniah ! Johan Pertandingan School Lab Peringkat WP Labuan daripada SMK Mutiara.